

03 OCT 1996

Mahathir - GSP

MALAYSIA TIDAK TERJEJAS BILA GSP DITARIK BALIK

GURUN, 3 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak terjejas apabila Amerika Syarikat menarik balik keistimewaan Skim Keutamaan Am (GSP) kerana kebanyakan faedah daripada program itu dinikmati oleh syarikat Amerika di negara ini.

Ini kerana industri tempatan telah didesak dari awal lagi supaya lebih cekap, kata Perdana Menteri pada persidangan berita selepas merasmikan kilang Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) dan menamakan motosikal nasional itu sebagai "Kriss" di sini hari ini.

Beliau berkata: "Sebenarnya, kebanyakan keistimewaan GSP dinikmati oleh syarikat-syarikat mereka (Amerika Syarikat) yang melabur di sini dan kemudian mengeksport barangan kembali ke negara mereka.

"Jadi yang terlibat adalah syarikat mereka sendiri walaupun ada juga syarikat tempatan yang merasai kesannya."

Dr Mahathir berkata bahawa kesan penarikan balik GSP itu tidak begitu menjejaskan Malaysia kerana negara tidak terlalu bergantung kepada pasaran Amerika Syarikat.

"Kita tidak berhajat nak jual kereta, motosikal dan peralatan elektrik kepada Amerika Syarikat. Pasaran kita di sebelah timur dengan Jepun dan China semakin berkembang...jadi kalau tarik balikpun kesannya hanya sedikit."

Laporan agensi berita dari Washington hari ini memetik pemangku Wakil Perdagangan Amerika Syarikat Charlene Barshefsky sebagai berkata bahawa Malaysia akan dikeluarkan daripada skim itu mulai 1 Jan tahun depan. Satu perisytiharan presiden akan dibuat dalam masa seminggu ini.

Berdasarkan skim itu, barangan dari negara-negara membangun tertentu ke pasaran Amerika tidak dikenakan cukai import.

Dr Mahathir berkata beliau tidak menjangkakan tindakan Amerika itu akan memberi kesan besar terhadap pekerja industri tempatan kerana mereka boleh berpindah kerja ke industri lain.

"Perkembangan pesat sektor perindustrian di Malaysia menyediakan banyak peluang pekerjaan dan dalam masa yang singkat, mereka yang terlibat akan diserapkan oleh majikan lain," katanya.

Dr Mahathir juga berkata negara kini perlu menimbang pilihan baru dalam mencari sumber tenaga kerja dan tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing yang menimbulkan masalah sosial kepada negara.

"Kita sekarang mempunyai lebih satu juta pekerja asing dan kita kini sudah mulai menghadapi masalah.

"Contohnya di sebuah sekolah di Sabah, 95 peratus pelajarannya adalah anak pekerja asing dan kita membelanjakan wang hasil kutipan cukai rakyat kita untuk orang asing. Saya rasa ini tidak kena," kata beliau.

Mengenai projek motosikal nasional itu, Dr Mahathir berkata ia merupakan satu kecemerlangan dalam bidang perindustrian negara kerana ia telah membuktikan keupayaan rakyat Malaysia untuk membangunkan kilang yang moden tanpa terlalu bergantung kepada bantuan kepakaran luar.

"Kita berupaya mereka bentuk sebuah kilang motosikal yang termoden di dunia. Ia satu kejayaan yang besar kepada kita."

Perdana Menteri juga berkata beliau berpuas hati dengan kerjasama antara pelabur tempatan dan rakan kongsi dari Jepun bagi menjayakan projek ini.

Projek motosikal ini yang melibatkan pelaburan melebihi RM300 juta, adalah usaha sama antara DRB-Hicom (55 peratus kepentingan ekuiti),

Khazanah Nasional (15 peratus), Kawasaki Heavy Industries (19 peratus) dan Nissho Iwai Corporation (11 peratus).

Dr Mahathir berkata Kawasaki Heavy Industries telah menunjukkan kepercayaannya kepada usahawan tempatan dengan bersetuju untuk menyerahkan kerja reka bentuk kilang dan motosikal kepada DRB-Hicom dan bekerjasama dalam memindahkan teknologi pembuatan kenderaan itu.

Perdana Menteri juga berkata kewujudan kilang ini di Gurun menyediakan banyak peluang pekerjaan dan menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat vendor yang akan membekalkan komponen bagi pengeluaran motosikal nasional ini.

Ketika ditanya mengenai kesan industri ini terhadap negeri Kedah, beliau berkata kerajaan sedang mengagih industri ke negeri-negeri utara yang agak ketinggalan dalam sektor perindustrian.

"Langkah ini dapat merangsang pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri terbabit dan bagi Kedah, ia dapat mengubah tanggapan umum bahawa Kedah ialah sebuah negeri pertanian," katanya.

Apabila ditanya mengenai pendapatan yang kerajaan perolehi melalui cukai terhadap motosikal nasional itu, Dr Mahathir berkata jumlahnya tidak besar kerana kadar cukai yang dikenakan terhadap motosikal berkuasa 110cc itu adalah kecil.

"Keutamaan kerajaan adalah untuk menyediakan motosikal yang mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

MZM MFJ MAI